



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang beralamat di dalam **Negeri Kelantan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

BIL	BUTIRAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH MULA TAWARAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1.	No. Sebut Harga : MAIK 35/2024 Kerja-Kerja Menyelenggara, Membaikpulih Asrama Dua Tingkat Dan Membina Bangunan Kantin Baharu Untuk Kegunaan Asrama Bakti, Machang	Gred G2 Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21	04 Ogos 2024 (Ahad)	13 Ogos 2024 (Selasa) 12.00 Tengah Hari

2. Kontraktor-kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri satu **taklimat dan lawatan tapak** yang akan diadakan pada **4 Ogos 2024 (Ahad), jam 10.00 pagi bertempat di bangunan Asrama Bakti, Machang**. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Pegawai Teknikal di talian 019-2241512.
3. **Lawatan tapak adalah diwajibkan. Hanya Kontraktor (Penama Dalam Lesen Sahaja) dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan membawa bersama dokumen asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera dari Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) semasa lawatan. Wakil adalah tidak dibenarkan.**
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada Kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja. Kontraktor hendaklah membawa satu set asal dan salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera dari Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempoh sah laku sekurang-kurangnya 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga semasa pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan harga RM50.00 senaskah pada **4 Ogos 2024 (Ahad) selepas taklimat dan lawatan tapak di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan** pada waktu sebagaimana berikut :-

Ahad – Rabu	:	Jam	8.00 Pagi	-	4.30 Petang
Khamis	:	Jam	8.00 Pagi	-	3.00 Petang
6. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis **Nombor Sebut harga, Nama Sebut Harga dan Tarikh Tutup** serta dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga sebelum jam **12.00 tengahari** pada **13 Ogos 2024 (Selasa)** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra 15200 Kota Bharu, Kelantan**.
7. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan serta tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah.